



PERBADANAN ASET KERETAPI SEDANG KENALPASTI PUNCA INSIDEN KREN TUMBANG DI STESEN KERETAPI RAWANG

SEPANG, 13 Dis 2023 – Insiden kren tumbang yang menjejaskan operasi perkhidmatan tren Komuter Lembah Klang dan Tren Elektrik (ETS) di Stesen Keretapi Rawang adalah melibatkan pembinaan bangunan parkir bertingkat yang terletak bersebelahan dengan stesen kereta api itu.

Sehubungan itu, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) selaku pemilik projek kini sedang bekerjasama dengan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor selaku agensi pelaksana projek dan pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), selaku operator dalam mengenalpasti punca kejadian tersebut.

Insiden yang berlaku pada 5.53 petang semalam telah menyebabkan perkhidmatan tren Komuter Lembah Klang dan ETS mengalami gangguan perjalanan. Kejadian tersebut telah menyebabkan kedua-dua landasan bagi laluan Rawang - Tanjong Malim terhalang. KTMB menganggarkan 20,000 penumpang Komuter dan 10,000 penumpang ETS akan terjejas yang melibatkan 32 perkhidmatan ETS dan 46 perkhidmatan Komuter bagi sektor Tanjong Malim - Pelabuhan Klang – Tanjong Malim, sehingga operasi tren kembali pulih.

Kren tersebut yang digunakan oleh kontraktor yang dilantik JKR dalam pembinaan bangunan parkir bertingkat Stesen Keretapi Rawang telah patah dan jatuh ke atas alat talian atas (*overhead line*) dan landasan kereta api mengakibatkan ia terputus. Insiden dipercayai berpunca daripada mendapan tanah di kawasan pembinaan dan menjadikan tren tersebut condong ke arah landasan. Situasi ini menyebabkan bahagian atas kren telah beralih dan sebahagian struktur kren bersama-sama kabel dan komponen kren telah patah.

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhraya IRC | IOI Resort City
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | Twitter : RailwayAssetsMY | Instagram : myrailwayassets

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 | Laman Web: www.rac.gov.my

Susulan daripada kejadian ini, kerja-kerja pembinaan fasiliti tersebut dihentikan buat sementara waktu bagi membolehkan kerja-kerja pengalihan kren dijalankan. Kakitangan RAC juga telah diarahkan untuk memantau kerja-kerja pengalihan kren di tapak sebaik insiden dilaporkan.

Untuk makluman, status penyiapan semasa projek ini adalah 37 peratus di mana 19 peratus lebih awal daripada jadual asal. Projek pembinaan bangunan parkir bertingkat ini yang ditawarkan kepada kontraktor, Suria Gemilang Sdn. Bhd telah memulakan pembinaannya pada 8 November 2022 dan dijangka siap pada 10 November 2025.

Projek yang menelan belanja RM43.605 juta ini apabila siap kelak akan dilengkapi dengan sebuah bangunan parkir empat (4) tingkat yang mengandungi 480 petak kereta dan 128 petak motorsikal. Bangunan parkir ini juga akan turut dilengkapi dengan kawasan *drop by zone* untuk kegunaan pengangkutan awam yang lain menurunkan penumpang, kemudahan bagi golongan OKU, jejantas dan lif.

Sekian, terima kasih.

- TAMAT -

PERBADANAN ASET KERETAPI

13 DISEMBER 2023

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggabulan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhraya IRC | IOI Resort City
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | Twitter : RailwayAssetsMY | Instagram : myrailwayassets

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 | Laman Web: www.rac.gov.my

Pertanyaan Media

Unit Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Aset Keretapi

Pegawai Perhubungan Awam :

Puan Ane Salfarizan Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

012-6594256

Umum:

No Tel: 603-8939 0200

No Faks: 603-8939 0222

E-mel: info@rac.gov.my